



JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR MALAYSIA

LAPORAN LIPUTAN MEDIA

Khamis, 18 Ogos 2022	
1	Penternak ayam kurangkan stok elak kerugian
2	Kebenaran eksport ayam dipertimbangkan - Annuar
3	Palet makanan ternakan berasaskan sawit jimatkan kos -harga lebih kompetitif

DISEDIAKAN OLEH :
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT,
JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR MALAYSIA**

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
18.8.2022	BERITA HARIAN	NASIONAL	14

Penternak ayam kurangkan stok elak kerugian

Johor Bahru: Penternak ayam mula mengurangkan stok di ladang kerana bekalan ayam segar kini berlebihan hampir 20 peratus di pasaran tempatan.

Setiausaha Persatuan Penternak Unggas (Kecil dan Sederhana) Negeri Johor, Lau Ka Leng, berkata pengurangan jumlah ayam di ladang dilakukan hampir di semua 91 ladang dan reban di negeri itu bagi mengelakkan penternak kerugian.

Katanya, sebelum ini, penternak

meningkatkan bilangan ternakan ayam selepas diberikan maklumat kerajaan akan menarik semula larangan pengeksporan ayam segar, akhir bulan lalu.

"Bulan lalu, penternak mula meningkatkan ternakan dengan harapan dapat diekspor ke pasaran luar, terutama Singapura. Namun, Maklumat awal kononnya larangan eksport ayam akan berakhir 31 Julai lalu ternyata tidak benar.

"Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) membuat kenyataan, sekatan itu masih terus berjalan sehingga kini menyebabkan berlaku lebihan bekalan ayam segar di pasaran.

Harga jatuh menjunam

"Keadaan ini juga menyebabkan harga dari ladang jatuh menjunam kepada RM4.40 sekilogram (kg), berbanding harga siling ladang ditetapkan kerajaan iaitu

RM6.40 kg.

"Bagi mengelakkan lebih banyak kerugian, penternak mengambil keputusan untuk mengurangkan ternakan ayam di ladang bagi memastikan ia tidak berlebihan di pasaran," katanya.

Sebelum ini, penternak serta pemilik syarikat pembekalan ayam melahirkan kebimbangan berikutan kekurangan maklumat dan percanggahan maklumat daripada kerajaan, terhadap tarikh larangan eksport ayam se-

gar ditarik semula.

Dalam pada itu, Ka Leng berkata, pembekal luar terutama dari Singapura juga sudah bersedia membuat pesanan ayam segar berdasarkan maklumat awal untuk menarik balik larangan eksport ayam.

"Pembekal Singapura sebelum ini memesan 120,000 ekor ayam segar sehari yang dibekalkan 91 ladang ternakan di negeri ini. Jumlah purata sebulan mencecah 3.6 juta ekor ayam," katanya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
18.8.2022	SINAR HARIAN	NASIONAL	4

Kebenaran eksport ayam dipertimbang - Annuar

PUTRAJAYA - Kebenaran mengeksport ayam akan dipertimbang selepas bekalan dalam negara untuk rakyat tidak terjejas bagi memastikan harga bahan mentah itu dapat dikawal, kata Pengerusi Pasukan Jihad Tangani Inflasi, Tan Sri Annuar Musa.

Beliau berkata pada masa sama, isu membabitkan pemberian subsidi kepada penternak bagi membolehkan ayam standard dijual pada harga siling runcit RM9.40 sekilogram di Semenanjung Malaysia juga perlu diperhalusi.

"Jadi isunya kita tidak boleh tangani hanya soal eksport, kita kena tangani juga soal selama mana subsidi itu nak dikekalkan.

"Kalau kita tiba-tiba terus membenarkan eksport dan pada masa yang sama ditamatkan subsidi maka harga ayam akan

melambung sekali lagi," katanya dalam sidang media di sini pada Rabu.

Beliau berkata demikian ketika diminta mengulas kenyataan Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Rosol Wahid bahawa kabinet akan memuktamad keputusan pada

Rabu sama ada membenarkan semula penternak mengeksport ayam atau sebaliknya.

Menteri Komunikasi dan Multimedia itu berkata, kabinet ada membincangkan isu kebenaran mengeksport ayam dan Jabatan Perkhidmatan Veterinar telah mengemukakan beberapa



ANNUAR

syor.

Beliau berkata, keperluan ayam dalam negara adalah sebanyak 70 juta ekor sebulan atau kira-kira 2.2 juta ekor sehari dan walaupun dikatakan bekalan melebihi keperluan ketika ini iaitu kira-kira 3.5 juta ekor namun kerajaan hanya akan membenarkan eks-

port jika ia tidak menjejaskan keperluan domestik.

"Demi untuk menjaga kepentingan rakyat kerana ayam sudah boleh dianggap sebagai satu keperluan asas bagi semua keluarga, kerajaan akan hanya buat keputusan selepas semua perkara diteliti dan satu kaedah akan diperkenalkan kalau sekiranya

nanti ayam hendak diekspor.

"Jadi jawatankuasa jihad akan lihat perkara ini dan nanti-nya bila dah ada satu pendekatan, barulah mungkin Kementerian Pertanian dan Industri Makanan boleh membawa semula kepada jemaah menteri untuk diputuskan," katanya.

Annuar juga berkata, Pasukan Jihad Tangani Inflasi telah mengarahkan Jabatan Perangkaan untuk membuat kajian bagi menetapkan kos sebenar ayam di peringkat ladang.

Beliau berkata, kaedah itu sama seperti yang dilakukan untuk menetapkan harga siling minyak masak tulen kemasan botol dan kerajaan telah mengambil kira harga komoditi sawit dari pelbagai sudut sebelum menetapkan harga munasabah yang perlu dibayar oleh rakyat. - Bernama



PELET
makanan yang
diformulasi
berasaskan
sawit.

Oleh **INTAN SUHANA
CHE OMAR**
intansuhana@mediamula.com.my

KRISIS harga makanan ternakan yang semakin meningkat memberikan tekanan kepada penternak yang perlu menanggung kos operasi yang tinggi.

Keadaan itu juga memberikan kesan negatif kepada masyarakat umum kerana peningkatan harga makanan ternakan turut mengakibatkan kenaikan harga daging di pasaran.

Tidak dapat elak, kenaikan harga ternakan antara 20 hingga 30 peratus sejak kebelakangan ini berpunca daripada kenaikan harga bahan mentah import yang digunakan untuk membuat makanan ternakan.

Ia berikutan krisis Rusia-Ukraine yang menjejaskan bekalan dan makanan ternakan di pasaran.

Justeru, Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB) tampil dengan inovasi terbaharu, formulasi pelet makanan lembu pedaging berasaskan bahan domestik iaitu sawit.

Formulasi baharu itu sekaligus mengurangkan pergantungan dan penggunaan bahan mentah yang diimport dengan harga tinggi.

Ketua Pengarah MPOB, Datuk Dr. Ahmad Parveez Ghulam Kadir berkata, inovasi baharu itu merupakan alternatif untuk menghasilkan makanan ternakan dengan bahan mentah yang lebih mampu milik.

"Teknologi MPOB menggunakan produk sampingan kelapa sawit sebagai bahan utama rumusan pelet makanan tersebut. Formulasi MPOB mengandungi lebih 80 peratus bahan berasaskan sawit iaitu dedak isirung sawit (PKC), tandan buah kosong (EFB) dan minyak sawit mentah (MSM).

"Formulasi MPOB merupakan alternatif kepada rumusan berasaskan bahan mentah import yang mahal. Ini kerana bahan mentah berasaskan sawit boleh didapati dalam negara sepanjang tahun," katanya.

Pelet makanan yang dihasilkan menggunakan formulasi MPOB mengandungi komponen nutrisi lengkap untuk lembu pedaging mengikut spesifikasi nutrien.

Analisa kuantitatif ke atas pelet makanan lembu yang dihasilkan menunjukkan ia mengandungi 4,769 kalori bagi setiap gram yang terdiri daripada kelembapan (7.35 peratus), abu (3.73 peratus), protein kasar (17.30 peratus) dan serat kasar (14.40 peratus).

FORMULASI MPOB
mengandungi lebih
80 peratus bahan
berasaskan sawit
iaitu dedak isirung
sawit (PKC), tandan
buah kosong (EFB)
dan minyak sawit
mentah (MSM).



HASIL kajian
menunjukkan
perkembangan
memberangsangkan
terhadap lembu
pedaging.

Pelet makanan ternakan berasaskan sawit jimatkan kos



MPOB merupakan alternatif kepada rumusan berasaskan bahan mentah import yang mahal. Ini kerana bahan mentah berasaskan sawit boleh didapati dalam negara sepanjang tahun."

Harga lebih kompetitif

PENGUNAAN produk dan produk sampingan sawit dapat mengurangkan kos penghasilan pelet makanan untuk lembu pedaging selain boleh dijual pada harga yang kompetitif di pasaran.

Di samping itu, rumusan berkenaan juga menghasilkan pelet makanan yang mengandungi keperluan nutrien yang lengkap bagi pertumbuhan lembu pedaging.

Penyelidikan yang dijalankan sejak Julai 2019 itu berfokuskan untuk menggunakan biojisim pertanian seperti hasil sampingan sawit bagi penghasilan pelet makanan berkualiti untuk lembu pedaging.

Formulasi pelet makanan lembu pedaging yang terdapat di pasaran menggunakan bahan tunggal hasil sampingan sawit iaitu dedak isirung sawit.

Namun begitu, terdapat bahan berasaskan sawit lain yang sesuai digunakan sebagai bahan mentah dalam catuan ruminan seperti tandan buah kosong (EFB) dan minyak sawit mentah.

"Penggunaan EFB dalam rumusan makanan haiwan ternakan adalah sesuatu yang baharu di pasaran dan berpotensi untuk mengurangkan kos bahan mentah tanpa menjejaskan nilai nutrisi pelet makanan," ujarnya lagi.

Untuk rekod, percubaan projek itu menggunakan lembu pedaging telah dijalankan dengan kerjasama Pertubuhan Peladang Negeri Johor (PPNJ) berjaya memberi hasil yang mem-berangsangkan.

KELAPA SAWIT

- Turut dikenali dengan nama saintifik *Ealeis guineensis*.

- Merupakan spesies tanaman yang bernilai dan boleh diproses menjadi produk akhir yang pelbagai

- Tiga produk asas utama kelapa sawit adalah isirung kelapa sawit, minyak isirung kelapa dan minyak sawit mentah

- Kajian terbaharu mendapati ia sesuai menjadi alternatif kepada makanan ternakan selain penggunaan jagung bijian dan kacang soya.

- Formulasi bahan mentah makanan ternakan menggunakan kelapa sawit didapati mengandungi komponen nutrisi lengkap mengikut spesifikasi nutrien yang diperlukan oleh ternakan seperti lembu pedaging.

AHMAD PARVEEZ

